



**DR. AINI IDERIS (tiga dari kiri) bersama Hoe Kian Choon (tiga dari kanan) pada majlis MoU anatra UPM dan Cuckoo di Serdang, Selangor baru-baru ini. Turut kelihatan Ahmad Zahrin Aris (kiri), Ir. Renuganth Varatharajoo (dua dari kiri) dan Hasan Azhari Idris (kanan).**

## Inisiatif pusat rujukan kualiti air

**K**EBERSIHAN air minuman sangat penting bagi manusia memandangkan tubuh badan memerlukan sekurang-kurang dua hingga tiga liter air sehari untuk membantu organ berfungsi dengan sempurna.

Amalan minum air yang tidak bersih dan tidak dirawat dengan baik boleh mengundang pelbagai penyakit seperti jangkitan kuman dan kerosakan buah pinggang.

Oleh itu, kebersihan air minuman harus dititikberatkan supaya tidak memberikan kesan negatif kepada sistem di dalam badan.

Peka dengan itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Cuckoo International bakal menjalankan penyelidikan berkaitan kaedah perawatan air terbaik bagi membekalkan air yang benar-benar bersih kepada pengguna.

Menurut Naib Canselor UPM, **Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris**, projek tersebut dijalankan selama lima tahun melalui tiga fasa dengan matlamat untuk menubuhkan sebuah Pusat Rujukan Industri Kebangsaan.

Katanya, pusat rujukan tersebut kemudiannya berfungsi sebagai penanda aras bagi kualiti air dalam industri dan juga rakyat Malaysia demi kesihatan orang ramai melalui perolehan air yang berkualiti dan sihat.

“Ini merupakan satu lagi kerjasama antara akademik dan pihak industri untuk

menjalankan penyelidikan translasional dalam memberi manfaat kepada orang ramai.

“Antara rancangan lain yang bakal dilaksanakan termasuk penubuhan sebuah Muzium Air dan Pusat Pengalaman Air yang berperanan menyediakan kajian kes dan maklumat untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang kepentingan air yang bersih dan sihat,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara UPM dan Cuckoo International di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dr. Zulkifli Idrus; Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Datuk Dr. Ir. Renuganth Varatharajoo; Ketua Pegawai Eksekutif Cuckoo International, **Hoe Kian Choon**; Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Datuk Hasan Azhari Idris; dan Dekan Fakulti Pengajian Alam sekitar, **Prof. Dr. Ahmad Zahrin Aris**.

Ahmad Zahrin berkata, antara fokus utama dalam penyelidikan tersebut ialah pencemaran baharu yang ada pada ketika ini.

Jelasnya, yang juga merupakan ketua penyelidik bagi program tersebut, beberapa punca yang menjadi penyumbang kepada pencemaran baharu terhadap air seperti sisa plastik, penggunaan pil perancang keluarga mahupun

ubat-ubatan kolesterol telah membawa pencemaran terhadap bekalan air minuman.

“Pencemaran bekalan air minuman ketika ini kebanyakannya berpunca daripada aktiviti manusia seperti pengambilan ubat, penggunaan losyen dan bahan buangan plastik dari industri.

“Oleh itu, setelah mengenal pasti faktor-faktor ini, kita akan mencari jalan penyelesaian dan kaedah yang sesuai untuk merawat bekalan air yang tercemar dengan bahan-bahan tadi. Ini kerana belum ada penapis yang boleh berbuat demikian di negara ini” katanya.

Dalam pada itu, Kian Choon berkata, pelaburan syarikatnya sebanyak RM10 juta dalam projek ini mencerminkan harapan untuk mengubah landskap industri rawatan air di negara ini.

“Saya percaya penyelidikan dan pembangunan (R&D) lebih lanjut adalah amat penting bagi Cuckoo, jenama yang sentiasa mencari strategi untuk menghasilkan produk secara lokal bagi memenuhi keperluan pengguna.

“Penyertaan Cuckoo dalam projek ini dimotivasikan oleh visi kami untuk menjadi jenama peralatan rumah serba guna nombor satu di Asia menerusi pelbagai strategi yang bermatlamat untuk menghasilkan air yang berkualiti serta teknologi maju untuk rawatannya,” jelasnya.